

# Azahariah sedia rampas gelaran

8 OCT 1989

6. Minggu (M)

BEKAS juara silat Kelas D kebangsaan, Siti Azahariah Husien, bersedia merampas semula 'mahkota' juara pada Kejuaraan Silat Kebangsaan Kelima, di Melaka akhir bulan depan.

Dalam pada itu, dia berharap dapat bertemu pesilat Negeri Sembilan, Hamidah Mahat di kejuaraan itu nanti. Hamidah menewaskannya di kejuaraan kebangsaan, tahun lalu.

Untuk ini Azahariah, 22, sedang giat menjalani latihan persendirian kerana Persatuan Seni Silat Gayung Fathani yang dianggotainya belum memanggilnya untuk latihan pusat.

"Saya berhasrat merampas semula gelaran yang pernah saya sandang sebanyak dua kali itu. Matlamat saya ialah mahu kembali semula dalam skuad kebangsaan," katanya, semalam.

Berikutan kegagalan tahun lalu, Azahariah digugurkan daripada senarai skuad Sukan SEA lalu. Sebelum itu, dia pernah bertanding di Sukan SEA Jakarta '87 dan Kejuaraan Silat Sedunia, di Kuala Lumpur dua tahun lalu.

Katanya, persiapan awal terpaksa dibuat bersendirian bagi memulih kecergasan fizikal setelah berehat begitu lama.

"Jika saya berada pada tahap memuaskan, saya tidak gentar bertemu Hamidah atau pesilat lain nanti," jelas gadis dari Alor Gajah, Melaka itu.

Azahariah berkata, tidak cukup persediaan menjadi punca kekalahan tahun lalu. Ini kerana dia terbabit dengan peperiksaan tahun akhir IKM.

Bagaimanapun, kali ini dia bukan setakat mahu merampas kejuaraan, sebaliknya untuk mewakili negara ke Kejohanan Jemputan Brunei (Mac) dan Kejuaraan Silat Sedunia, di Surinam pada Ogos, tahun depan.



■ TANGKAS...Azahariah giat berlatih